

Wang Tunai RM60 Ribu Menanti Pemenang Umno Xplorace 2011
Bernama
22 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Pertandingan Umno Xplorace 2011 yang akan berlangsung Sabtu ini menawarkan hadiah wang tunai bernilai hampir RM60,000.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Ab Rauf Yusoh berkata pertandingan itu bagi merapatkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara pengamal media, pihak Umno dan pelbagai pihak lain yang terlibat semasa Perhimpunan Agung Umno 2011 lalu.

"Semua cabaran, klu dan petunjuk akan berdasarkan kepada maklumat berkaitan Umno, termasuk sejarah, perlembagaan, perancangan masa depan dan sebagainya," katanya kepada pemberita pada majlis taklimat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Katanya, kesemua pemenang akan diraikan pada Majlis Penghargaan Media pada 6 Jan depan yang dijangka dihadiri Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pertandingan akan bermula pada pukul 7 pagi di PWTC dan tamat di lokasi sama pada pukul 2 petang.

Tiga pasukan terbaik akan membawa pulang wang tunai RM20,000, RM10,000 dan RM5,000, manakala lima individu terbaik sepanjang pertandingan bakal memenangi RM2,000.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636051>